

0334

U B679 DEB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA
(I)

KUCHING, 11 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA RAKYAT MALAYSIA KINI BERSEDIA DAN SUDAH TIDAK SABAR UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA WALAUPUN BELIAU ENGGAN MEMBERITAHU BILA BELIAU AKAN MENGUMUMKAN TARIKHNYA.

BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR PADA AKHIR LAWATAN DUA HARINYA KE SARAWAK BAHAWA TARIKH PILIHAN RAYA TIDAKLAH PENTING.

PERDANA MENTERI BERKATA LAWATANNYA KE SINI MERUPAKAN SEBAHAGIAN LAWATAN KE SELURUH NEGARA UNTUK MENINJAU PERSIAPAN MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. BELIAU DIJANGKA MENAMATKAN LAWATAN KE SELURUH NEGARA DENGAN MELAWAT LABUAN MINGGU DEPAN.

+SELEPAS LAWATAN KE SINI, SAYA DAPAT GAMBARAN YANG LEBIH JELAS MENGENAI KEADAAN WALAUPUN INI TIDAKLAH BERMAKNA BAHAWA INI MEMUDAHKAN SAYA MENETAPKAN TARIKH PILIHAN RAYA,+ KATA BELIAU.

MENGENAI BILA BELIAU AKAN MENGUMUMKAN TARIKHNYA, DATUK SER DR MAHATHIR HANYA BERKATA +ITU ADALAH SOALAN YANG BAIK.+ -- LAGI.
2005MST 11 04 86

U B681 DEB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUCHING
(I)

+SATU PERKARA YANG SAYA PASTI SEKARANG MENGENAI PILIHAN RAYA IALAH IA AKAN DIADAKAN ANTARA SEKARANG DENGAN APRIL 1987,+ KATA PERDANA MENTERI.

TEMPOH PENGGAL KERAJAAN SEKARANG AKAN BERAKHIR PADA APRIL TAHUN DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SELAKU PENERUSI BARISAN NASIONAL BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERSIAPAN YANG DIJALANKAN OLEH PARTI-PARTI KOMPONEN BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

BELIAU BERKATA TARIKH PILIHAN RAYA TIDAKLAH PENTING KERANA PARTI-PARTI YANG BERTANDING SUDAH BERSEDIA MENGHADAPINYA PADA BILA-BILA MASA PILIHAN RAYA DIADAKAN.

KATANYA, RAKYAT DAN MEDIA MASSA TELAH MEMBUAT RAMALAN MEREKA SENDIRI BAHAWA PILIHAN RAYA PASTI DIADAKAN PADA PENGGAN CUTI SEKOLAH DAN TIDAK PADA BULAN PUASA YANG DIJANGKA BERMULA 10 MEI INI.

DATUK SER DR MAHATHIR JUGA MENOLAK KEMUNGKINAN PILIHAN RAYA SABAH, SARAWAK DAN NEGERI-NEGERI LAIN DIADAKAN SERENTAK. -- LAGI.
2010MST 11 04 86

D396

B 8704 DEB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUCHING (ULANGAN DENGAN
PEMBETULAN) R' R' R
(I)

INI KERANA PILIHAN RAYA DI SARAWAK DIADAKAN HANYA KIRA-KIRA DUA TAHUN LEPAS DAN JIKA PILIHAN RAYA ITU DIADAKAN LAGI, IA MEMBAZIRKAN SAHAJA.

MENGENAI PERLANTIKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +KITA AKAN MEMPUNYAI SATU BILA KITA ADA SATU, JADI KITA TIDAK PERLU TERBURU-BURU.+

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA WALAUPUN PERLANTIKAN ITU PENTING, IA BUKANLAH PERKARA YANG MEMBABITKAN SOAL HIDUP ATAU MATI.

MENGENAI SAMA ADA PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL AKAN KE SABAH UNTUK BERKEMPEN BAGI PARTI BERJAYA MENJELANG PILIHAN RAYA PADA 5 DAN 6 MEI INI DI NEGERI ITU, BELIAU BERKATA MEREKA AKAN MENGAWASINYA DAN AKAN KE SANA JIKA PERLU.

+KITA HANYA TERBABIT DENGAN SATU SAHAJA PARTI IAITU BERJAYA,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

2146MST 11 04 86

D397

B 8705 DEB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 4 KUCHING (ULANGAN)
(I)

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGAGIHKAN PERUNTUKAN SECARA SAMA RATA KEPADA SEMUA NEGERI DAN TIDAK ADA +PILIH KASIH.+

+KAMI BERBUAT DEMIKIAN MENGIKUT KEMAMPUAN KAMI,+ KATA BELIAU.

MENGENAI SARAWAK, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN NEGERI DITADBIRKAN DENGAN BERKESAN DAN TIDAK ADA MASALAH BESAR ATAU TANDA MENGENAI KRISIS DI NEGERI INI.

PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA DI BAWAH KERAJAAN SEKARANG, PELAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DI NEGERI INI DAPAT DITERUSKAN DEMI KEPENTINGAN RAKYAT.

MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLULAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BALAS.

+INI LEBIH PENTING DARIPADA MENYALAHKAN ORANG LAIN SEBAGAI PUNCA MASALAH ITU,+ TEGAS BELIAU.

YANG TURUT BERADA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH IALAH KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD DAN DATIN PATINGGI LAILA DAN PARA PEMIMPIN KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA.
2148MST 11 04 86